

11 JUL 1998

Mahathir-Arau

KURANG DEDIKASI PUNCA BN TEWAS DI ARAU, KATA MAHATHIR

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kurangnya dedikasi di kalangan anggota Umno merupakan antara sebab kekalahan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil kawasan parlimen Arau, 4 Julai lepas.

"Sedangkan parti lawan begitu cergas dan bersemangat dalam perjuangan mereka... nampaknya Umno kurang semangat sikit. Umno fikir bahawa kita tetap menang jadi tak payah usaha kuat-kuat," kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup lebih sejam dengan Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka di sini hari ini, sempena lawatan singkatnya ke Melaka.

Beliau berkata sikap kurang dedikasi itu boleh membahayakan parti dan keputusan pilihan raya kecil itu telah sedikit sebanyak memberi pengajaran dan kesedaran kepada parti.

Pada pilihan raya kecil itu, calon BN Ismail Kassim tewas kepada calon PAS, Hashim Jasin yang juga Pesuruhjaya PAS Perlis, dengan majoriti 1,323 undi. Hashim mendapat 12,864 undi manakala Ismail 11,541 undi.

Ketika ditanya pemberita mengapa wujudnya soal kurang dedikasi di kalangan anggota parti sedangkan Umno telah mengadakan perhimpunan agungnya sebelum pilihan raya kecil itu, Dr Mahathir menjawab: "Ini (Arau) dianggap sebagai kubu Umno dan kita tetap menang."

"Seburuk-buruknya yang boleh kita fikir ialah kita menang dengan undi yang berkurangan dan dengan kerana itu tidak payah kerja banyaklah... dengan automatik kita boleh menang. Ini satu pendapat yang amat bahaya," tegas beliau.

Apabila ditanya kenaikan cukai bagi buah-buahan dari hutan dan adik Menteri Perlis diletakkan sebagai calon merupakan faktor kekalahan BN, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh kata sesuatu keputusan itu disebabkan satu faktor sahaja."

"Dia mempunyai banyak sebab. Saya yakin juga cukai yang dikenakan kepada buah-buahan itu menjadi satu sebab dan dipermainkan oleh parti lawan.

"Demikian juga dengan pemilihan calon dan dengan kerana itu dijadikan isu oleh parti lawan. Ia mempunyai kesan sedikit sebanyak, semua ini jumlahlah," kata Dr Mahathir.

Ketika dimaklumkan bahawa ada pendapat di peringkat akar umbi yang mengatakan pilihan raya umum akan datang akan dilewatkan berikutan kekalahan BN di Arau, Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, secara berseloroh berkata: Itu tak tahulah. Itu (pendapat) grassrootlah... tapi yang adjust itu orang lain."

Perdana Menteri berkata kekalahan BN di Arau memberi kesan betapa pentingnya anggota parti bekerja lebih kuat dan bersemangat.

Menurutnya, pada perjumpaan hari ini beliau juga telah memperingati anggota parti supaya selalu memperingatkan diri bahawa kehadiran mereka dalam Umno ialah untuk menjayakan perjuangan parti dan bukan diri sendiri.

Mengenai perjumpaan tertutup itu, Dr Mahathir berkata selain kekalahan di Arau beliau juga menjelaskan sebab-sebab negara mengalami kegawatan ekonomi dan betapa pentingnya anggota parti merapatkan barisan dalam Umno dan BN.

Perdana Menteri berkata beliau tidak meminta apa-apa daripada peringkat negeri dalam usaha menangani kegawatan ekonomi sekarang, tetapi apa sebenarnya yang penting ialah pemahaman kenapa kegawatan berlaku.

"Sebenarnya ia disebabkan oleh pedagang-pedagang matawang dan mereka cuba mengabui mata orang dengan berkata kesalahan berada pada kerajaan-kerajaan dan pemerintah-pemerintah negara yang terbabit."

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat kelemahan di kalangan kerajaan negara yang diserang (matawang), tetapi hakikatnya ialah pedagang-pedagang matawang yang menyebabkan jatuhnya nilai matawang.

Pada majlis itu, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin telah mengetuai pembacaan ikrar taat setia kepada Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Badan Perhubungan Umno Negeri Melaka juga telah menyatakan sokongannya agar jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada tahun depan.

-- BERNAMA

MKO NO RI